

Bimbang jadi gajah putih

Oleh SAMSOR JUNET
(WARTAWAN UTUSAN)

KELAM-KABUT, itulah keadaan di ibu negara kebelakangan ini apabila banjir kilat tiba-tiba melanda pusat bandar raya Kuala Lumpur dua kali dalam seminggu.

Warga kota tentunya tidak mahu 'bertarung' dengan banjir kilat yang mendatangkan kemusnahan harta benda serta kesesakan lalu lintas amat teruk.

Namun ia harapan semata-mata. Banjir kilat yang kerap berlaku pada sebelah petang hingga ke tengah malam kebelakangan ini - berulang lagi malam kelmarin - kali ini lebih teruk.

Jalan Masjid India, Jalan Ipoh, Kampung Baru, Kampung Chubadak dan Sentul ditenggelami banjir separas pinggang malah ibu pejabat MIC turut mengalami kerosakan.

Bimbang dengan keadaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan lawatan mengejut ke Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pagi semalam.

"Saya minta percepatkan sebab banjir tiada musim. Pada 3 Jun lalu dah banjir, semalam banjir lagi, sampai bila?" tegas Perdana Menteri.

Itulah masalahnya. Setiap kali berlaku masalah besar, Abdullah yang mempunyai atur cara padat terpaksa 'campur tangan' bagi menangani masalah.

Pada sebelah pagi, beliau memberikan ucap tahniah sempena pelancaran Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Kali Ke-12 di ibu negara. Selepas itu beliau bergegas pula ke jabatan berkenaan untuk mendengar taklimat banjir.

Pada pukul 2.30 petang ini, beliau bersama isteri Datin Seri Jeanne Abdullah berlepas pula ke Brunei bagi meraikan perkahwinan puteri Sultan Brunei.

Sekadar bertanya, di mana pakar-pakar perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam

menangani masalah banjir kilat di ibu negara secara total?

Kita tidak mahu menyalahkan sesiapa apabila berlaku banjir kilat kerana kita semua berfikir positif apabila berhadapan dengan masalah.

Tetapi sebagai pembayar pelbagai jenis cukai 'di keliling pinggang', kita juga hendak bertanya: Adakah duit cukai dibelanjakan dengan betul dalam menangani masalah banjir?

Jelas sekali, berdasarkan perkembangan semasa, duit rakyat dibelanjakan dengan kurang berhemat.

Kayu pengukur amat mudah - jika projek tebatan serta membina rangkaian jalan raya gagal menangani masalah banjir kilat dan kesesakan lalu lintas, bererti ia menemui kegagalan.

Menangani

Ketika projek Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) dimulakan kira-kira tiga tahun lalu, umum difahamkan ia mampu menangani masalah banjir kilat apabila siap sepenuhnya dan beroperasi tahun ini.

Tetapi apabila ia dibuka sebulan lalu, terdapat perubahan 'nada' di kalangan pihak yang terlibat mengenai keberkesanan seluruh terowong itu dalam menangani banjir.

Menurut mereka, banjir kilat hanya akan dapat diatasi sepenuhnya apabila semua projek tebatan banjir di Kuala Lumpur disiapkan, rakyat tidak membuang sampah ke dalam sungai dan sebagainya.

Berikutan itu, warga kota turut menjadi 'tidak senang memandu' di dalam terowong jalan raya yang kini dikenali sebagai Terowong Bestari walaupun tanpa sebarang tol.

Sebenarnya, ketika mula-mula ia dibuka, warga kota fikir, pihak - lalu lintas dan terowong banjir secara serentak. Rupa-rupanya tidak.

Bagaimanapun demi keadilan semua pihak termasuk pemaju projek bernilai hampir RM2 bilion itu, kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun

Um- 12/6/2007.

Ketika projek Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) dimulakan kira-kira tiga tahun lalu, umum difahamkan menguar-uarkan ia mampu menangani masalah banjir kilat apabila siap sepenuhnya dan beroperasi tahun ini

Razak di Sabah mengenai terowong itu agak menarik.

"Kita berharap apabila terowong itu beroperasi sepenuhnya, ia mampu memberikan kesan positif dalam menangani masalah banjir kilat di ibu negara.

"Apabila ada masalah banjir lagi, kita kena tengok apa lagi kemudahan tambahan yang terpaksa dibelanjakan oleh kerajaan," katanya.

Dan hendak dijadikan cerita, apabila terowong air banjir itu bakal dibuka tidak lama lagi dan pengguna bakal dikenakan tol RM2 sehalo berkuat kuasa Khamis ini, banjir kilat melanda ibu negara kelmarin.

Namun Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu cepat-cepat mengingatkan rakyat supaya tidak menyalahkan terowong SMART berikutan banjir teruk itu kerana terowong air banjir belum beroperasi sepenuhnya.

Kita sebenarnya amat berharap SMART tidak gagal dalam operasinya menyalirkan air banjir yang jumlahnya kira-kira 3 bilion meter kiub apabila ia dibuka sepenuhnya nanti.

Jika itu yang berlaku, matlamat asal terowong tersebut untuk menangani dua masalah - kesesakan lalu lintas dan banjir kilat - serentak - pasti tidak tercapai.

Kita tidak mahu terowong air banjir sepanjang kira-kira sembilan kilometer di bawah terowong bestari akhirnya tidak dibuka atas faktor-faktor keselamatan.

Dipendekkan kata rakyat tidak mahu ia akhirnya menjadi projek gajah putih.

Satu lagi masalah sedang menunggu iaitu sama ada warga kota bersedia menggunakan terowong bestari itu selepas tol dikenakan pada tengah malam Khamis ini.

Jika warga kota bersikap negatif, mereka

seperti biasa sanggup 'meredah' Jalan Tun Razak menuju ke selatan bandar raya dan sebaliknya walaupun mengharungi kesesakan yang teruk berjam-jam.

Kali ini warga kota mempunyai alasan untuk tidak menggunakan terowong bestari iaitu takut terperangkap dalam banjir kilat sekiranya terowong air banjir dibuka.

Ditutup

Utusan Malaysia difahamkan, terowong berkenaan perlu ditutup sepenuhnya jika air banjir memenuhi terowong semasa hujan lebat dan laluan pengguna dialihkan secara automatik.

Selepas ditutup, terowong itu akan dicuci pula segala sampah-sarap yang dibawa air banjir dan ini melibatkan kos yang amat tinggi, maka persoalannya siapa yang menanggung? Pemaju projek SMART atau JPS?

Apa pun banjir kilat dan kesesakan lalu lintas merupakan dua masalah utama yang terpaksa diharungi oleh warga kota dari dulu sampai sekarang.

Bagi tujuan itu jalan-jalan baru lebih besar dibina di segenap pelosok ibu negara di lokasi-lokasi dikenal pasti termasuk dengan membina terowong.

Meskipun begitu, jumlah permintaan perjalanan sebanyak 1.577 juta sehari di pusat bandar raya KL terus meningkat - seakan-akan tidak boleh disekat lagi.

Warga kota mahu menikmati kebebasan memasuki KL sepuas-puasnya - tidak mengapa mengharungi kesesakan asalkan dapat menikmati suatu kebebasan yang tidak ternilai harganya.